

Headline **Didik pelihara alam sekitar**
Date **08. Jun 2009**
Media Title **Harian Metro**
Section **Setempat**
Circulation **289315**
Readership **1981000**

Language **MALAY**
Page No **6**
Article Size **116** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **2513.49**



CUBA...Raja Nong Chik (tengah) bermain boling padang sempena Hari Alam Sekitar Sedunia, semalam.

Didik pelihara alam sekitar

KEPONG: Mengajak masyarakat prihatin terhadap alam sekitar menjadi matlamat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan penganjuran Hari Alam Sekitar Sedunia, semalam.

Kempen bertemakan Go Green Live Green itu dirasmikan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin di FRIM.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata kempen berkenaan antara inisiatif pihaknya untuk mendidik masyarakat terutama generasi muda mengenai kepentingan memelihara alam sekitar.

“Negara kita kaya hutan semula jadi serta pelbagai spesies flora dan fauna, buktinya di FRIM terdapat lebih 25 juta pokok termasuk tumbuhan herba.

“Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memelihara khazanah berharga ini daripada terus diancam kepupusan,” katanya.

Menurutnya, FRIM turut menganjurkan kempen terbaru Rakan FRIM bermula semalam bertujuan menyedarkan masyarakat organisasi berkenaan bukan khusus untuk kakitangannya semata-mata, malah sentiasa terbuka menerima pendapat dan cadangan orang ramai.